

ASEAN perlu bijak jalin hubungan AS, China

m/s: 3

UM-6/7/2020

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Negara-negara anggota ASEAN perlu bersedia menghadapi persaingan kuasa-kuasa besar dengan bijak terutama melibatkan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat (AS) dan China.

Hubungan dengan dua kuasa besar itu harus dipelihara dan diperkukuh berdasarkan kepada pematuhan undang-undang antarabangsa yang telah lama wujud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kepentingan China tidak boleh dinafikan kerana negara itu sejak 2009 menjadi rakan dagang utama ASEAN dan mengatasi Kesatuan Eropah (EU) sebagai rakan dagang utama negara itu pada 2020.

Justeru, katanya, ASEAN berharap dapat mengekalkan hubungan yang positif dan stabil dengan Beijing dengan melihat kepada ekonomi dan kedudukan strategik negara itu.

“Dalam masa sama, ASEAN juga harus terus memperkembangkan hubungan ekonomi dan diplomatik dengan AS berdasarkan rasa saling hormat-menghormati dan semangat setia kawan yang tinggi.

“AS, China dan Asia Tenggara harus memastikan semangat



ISMAIL Sabri Yaakob tiba di Istanbul semalam untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari ke Turkiye.

yang mengikat hubungan dua hala dan pelbagai hala dipelihara dan diperkukuhkan, berdasarkan kepada pematuhan undang-undang antarabangsa yang telah lama wujud,” katanya dalam ucapan pada Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-35 menerusi rakaman video semalam.

Ismail Sabri menambah, ketika persaingan antara kuasa-kuasa besar dunia menghasil-

kan cabaran yang tersendiri kepada rantau ini, perkara itu tidak seharusnya memudaratkan.

Kata Perdana Menteri, libat urus secara proaktif bersama kuasa-kuasa besar akan memberikan manfaat kepada rantau ini dengan syarat rantau ini mampu melakukannya.

“Dalam situasi sebegini, rantau ASEAN seharusnya bersedia menghadapi persaingan kuasa-

kuasa besar dengan bijak,” jelasnya.

Pada masa sama, Ismail Sabri memberitahu, ASEAN harus sentiasa berpegang teguh dengan prinsip asas mengutamakan Kepaksian ASEAN dalam menghadapi cabaran lalu dan mendatang iaitu saling bekerjasama dan menghormati kedaulatan negara serta semangat membimbing negara anggota ke arah keamanan dan kemakmuran serantau.

“Sehubungan itu, ASEAN muncul sebagai gagasan yang dihormati dan dipercayai bagi mekanisme pelbagai hala serantau. Namun begitu, kepaksian rantau ini akan terus diuji dengan tekanan dalaman dan luaran.

“Untuk itu, ASEAN juga memerlukan kombinasi mekanisme-mekanisme berbentuk dua hala, pelbagai hala dan bahkan minilateral dan juga kreativiti dan sokongan badan-badan bukan kerajaan untuk berjaya,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menyarankan komuniti antarabangsa bekerjasama dengan semangat keluarga dunia dan tidak bergerak solo kerana pandemik Covid-19 selama ini telah mengajar masing-masing bahawa cabaran global tidak boleh diatasi secara bersendirian.